

MAHATHIR - NASIONALIS 1984

PETALING JAYA, 25 OGOS (BERNAMA) -- P A S IALAH SEBUAH PARTI NASIONALIS DAN TIDAK PERNAH MENJADI PARTI ISLAM, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAHAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA OLEH ITU ADALAH SALAH BAGI PARA PEHIMPIN PAS HENDAKWA BAHAWA PAS IALAH SEBUAH PARTI ISLAM DAN MENGECAP UMNO SEBAGAI SEBUAH PARTI NASIONALIS.

+ PAS TELAH DAN TETAP MENJADI SEBUAH PARTI NASIONALIS DAN BUKAN PARTI ISLAM, + KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG KEENAM KOOP BERSATU - SEBUAH KOPERASI UMNO - DI HOTEL SUBANG VIEW DISINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSDLAG DENTKIAN BERIKUTAN KENYATAAN PARA PEMLMPIN PAS BARU-BARU INI BAHAWA MEREKA TIDAK DARAT BERSETUJU DENGAN UMNO SELAGX UMNO MENJADI PARTI NASIONALIS SEMENTARA PERJUANGRN PAS BERLANDASKAN PRINSIP-PRINSIPI ISLAM.

BELIAU BERHUKAH JIKA P A S BENAR-BENAR SEBUAH PARTI ISLAM, IA PATUT BERGERAK DI AFGHANISTAN, LUBNAN, SELATAN RUSSIA DAN TEMPAT-TEHPAT LAIN YANG UMAT ISLAM TERTINDAS.

+ TETAPI PAS HANYA BERGERAK DI MALAYSIA DAN KEANGGOTAANNYA HANYA DIBUKA UNTUK SATU KAUM SAHAJA.

+ SEBENARNYA, PARTI ITU SEDANG MENGELIRUKAN RAKYAT SEHINGGA RAKYAT KITAPERLU MENJADI ANGGOTA PARTI (PAS) SEBELUM MENJADI SEORANG MUSLIM. + --BERNAMA